



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 SEPTEMBER 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SUBSIDIES FOR FARMERS: MINISTER SHIFTING TO OUTPUT ORIENTATION, NATION, DAILY EXPRESS-6 PERALIHAN SUBSIDI INPUT KEPADA OUTPUT DIBUAT BERANSUR, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS-2 1.53 BILLION SUBSIDI BUAT TANAMAN PADI, BISNES, HM-24 MAFI GRADUALLY SHIFTING TO OUTPUT ORIENTATION IN PROVIDING SUBSIDIES TO FARMERS, TAMIL@BERNAMA-BTV PROJEK SAWAH PADI SKALA BESAR DI KEDAH, SINAR HARIAN-ONLINE PROJEK SAWAH PADI SKALA BESAR DI KEDAH, MSN.COM-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	MAQIS RAMPAS 100 TAN SUSU TEPUNG BELANDA, NEGARA, KOSMO-16 100,000KG SUSU TEPUNG DARI BELANDA DIRAMPAS, MAHKAMAH, SH-21 MAQIS PERIKSA 4 KONTENA BELANDA BAWA 100,000 KG SUSU TEPUNG, LOKAL, HM-4 MAQIS RAMPAS 100,00 SUSU TEPUNG DARI BELANDA, BHO-ONLINE 100,000 TONNES OF WHEY POWDER SEIZED AT BUTTERWORTH PORT, FREE MALAYSIA TODAY-ONLINE MAQIS PULAU PINANG RAMPAS 100,000 KG SUSU TEPUNG, SH-ONLINE MAQIS RAMPAS 100,000KG SUSU TEPUNG, HM-ONLINE MAQIS RAMPAS 100 TAN SUSU TEPUNG, KOSMO-ONLINE MAQIS P.PINANG RAMPAS SUSU TEPUNG BERNILAI RM600,902, BERNAMA-ONLINE MAQIS RAMPAS 100 TAN SUSU TEPUNG DARI BELANDA, WARTA RAKYAT-ONLINE 100 TAN SUSU TEPUNG DARI BELANDA DIRAMPAS, UTUSAN.COM-ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
18.	MANFAAT RUANG BAGI BERTANI, K2, KOSMO-21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
19.	RONALD TERIMA KUNJUNG HORMAT AHLI JEMAAH PENGARAH NAFAS, JESSELTON TIMES-ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32.	HARGA AYAM DIJUAL BAWAH RM9.50 SEKILOGRAM, NEGERI SELANGOR.KL, SH-23 CENDAWAN KOLONG RUMAH, K2, KOSMO-20 & 21 PEMBEKAL SAYUR SETUJU TURUN RM9.50 SEKILO, LOKAL, HM-20 PENIAGA SERBA SALAH BUNGA KUBIS MELAMBUNG RM12 SKILOGRAM, LOKAL, HM-20 CIPTA KELAINAN IKAN PATIN MASIN, LOKAL, HM-19 GUNA DRON TINGKATKAN HASIL PADI, NEGERI KELANTAN, SH-25 HARGA AYAM TURUN RM8.50 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO-16 APMM MOHON KUASA RAMPAS BUBU NAGA DI JETI NELAYAN, LOKAL, HM-21 PANGKALAN NELAYAN SUNGAI TIMUN MERIAH, DALAM NEGERI, UM-30 PENGGUNAAN BUBU NAGA MASIH BERLELUASA, NEGERI PERAK, SH-27 MOF STUDY BEST METHOD TO STABILISE CHICKEN PRICES, NEWS, TAMIL MALAR-5 YOUTH SHOULD BE JOB CREATORS, NST-ONLINE WE NEED MORE YOUNG 'AGROPRENUER', THE STAR-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



21 SEP, 2021

Subsidies for farmers: Minister shifting to output orientation

Daily Express (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Subsidies for farmers: Minister shifting to output orientation

KUALA LUMPUR: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers.

Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended, as it would directly affect the farmers' income.

"In fact, the results of the 'Empirical Study of the Impact of Subsidies on Padi Production and Farmers' Income' by Universiti Putra Malaysia in 2019 show that both input and output-based subsidies and incentives are still needed to ensure sustainable returns to farmers," he said during the question-and-answer session of the Dewan Rakyat sitting here Monday.

He was responding to a question from Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) who asked whether MAFI was planning to study the provision of subsidies based on output, in an effort to increase the country's padi production while continuing to safeguard the interests and welfare of farmers.

Ronald said all subsidised agricultural input and output programmes to support the padi and rice industry would be continued including the Certified Padi Seed Incentive (IBPS), Federal Government Padi

Fertiliser Scheme (SBPKP), Padi Production Incentive Scheme (SIPP), Hill Padi Fertilisers and Pesticides Scheme (SBRPB) and Padi Price Subsidy Scheme (SSHP).

He said MAFI would also continue to discuss with the finance ministry on the implementation of output-based subsidies and incentives to encourage farmers to increase padi production and improve productivity.

He added that this was also to gradually create a self-regulated industry as well as reduce government involvement and monitoring in the padi production chain.

Ronald said currently the government was providing subsidies and incentives based on inputs and outputs by offering contracts to the National Farmers Organisation (Nafas) to supply agricultural inputs under SBPKP and SIPP Production Incentive Scheme for the period July 1 this year until Dec 31, 2023 worth RM1.82 billion.

To increase self-sufficiency level (SSL), MAFI is actively transforming and reforming the country's padi and rice industry in efforts to achieve 75 per cent in rice productivity during the 12th Malaysia Plan (12MP).

"Among the new approaches is the implementation of the SMART SBB programme currently being conducted at several locations," he said. - Bernama



21 SEP, 2021

Subsidies for farmers: Minister shifting to output orientation

Daily Express (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers. Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended, as it would directly affect the farmers' income.



21 SEP, 2021

Peralihan subsidi input kepada output dibuat beransur

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Peralihan subsidi input kepada output dibuat beransur

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) kini dalam usaha mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah daripada input kepada output secara beransur-ansur.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini, kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.

"Malah, hasil 'Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani' oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019 menyatakan bahawa, kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan, untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini pada Isnin.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) yang mem-



inta Ronald menyatakan adakah Mafi bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan output, dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Ronald berkata semua program input dan output pertanian bersubsidi untuk terus menyokong industri padi dan beras, akan diteruskan termasuk Insentif Benih padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB)

dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Beliau berkata Mafi juga akan terus berunding dengan kementerian kewangan mengenai pelaksanaan pemberian subsidi dan insentif berasaskan output, bagi menggalakkan pesawah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Ia juga katanya bagi mewujudkan industri yang dikawal selia sendiri secara beransur-ansur, serta mengurangkan penglibatan dan pemantauan kerajaan di sepanjang rantaian pengeluaran padi.

Ronald berkata buat masa ini kerajaan juga meneruskan pemberian subsidi dan insentif berasaskan input dan output dengan menawarkan kontrak kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), bagi membekal input pertanian di bawah SBPKP dan Skim Insentif Pengeluaran Padi untuk tempoh 1 Julai tahun ini sehingga 31 Disember 2023 bernilai RM1.82 bilion. — Bernama



21 SEP, 2021

Peralihan subsidi input kepada output dibuat beransur

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kemen'terian Pertanian dan Industri Makanan (Mali) kini dalam usaha mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah daripada input kepada output secara beransur-ansur. Menteriya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini, kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.



21 SEP, 2021

RM1.53 bilion subsidi buat tanaman padi

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

RM1.53 bilion subsidi buat tanaman padi

Kuala Lumpur: Sebanyak RM1.53 bilion diperuntukkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tahun ini bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusahanya tanaman padi.

Ia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

"Sebagai contoh, program bantuan output pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) juga sudah dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap satu tan metrik padi bersih bermula Januari 2019.

"Ia bermatlamat menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah," katanya ketika sesi jawapan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik) sama ada kementerian itu bercadang mengkaji pemberian subsidi berasaskan output dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Menurut Ronald, Mafi juga akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan mengenai pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif yang berasaskan output yang akan menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi, selain mewujudkan *self regulated industry* secara beransur-ansur.

Katanya, sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik tidak disyorkan ketika ini kerana menjejaskan pendapatan pesawah.

Katanya, Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati kedua-dua subsidi serta insentif berasaskan input dan output masih diperlukan.



21 SEP, 2021

RM1.53 bilion subsidi buat tanaman padi

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Sebanyak RM1.53 bilion diperuntukkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tahun ini bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi. Ia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi. Menteriinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	BERNAMA	TAMIL@BERNAMA	TV

Mafi gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Projek sawah padi skala besar di Kedah



ALOR SETAR - Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi dan pendapatan pesawah dijangka dilaksanakan pada musim 2/2021.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan dan Komoditi Kedah, Azman Nasrudin berkata, projek itu dilaksanakan di Kampung Teluk Bulang melibatkan 16 peserta daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Batas Paip, Kuala Kedah membabitkan 50 hektar sawah.

Menurutnya, pelaksanaan Projek Smart SBB turut melibatkan 50 hektar sawah lagi di Kampung Selarong Panjang melibatkan 14 peserta daripada PPK Simpang Empat Kangkong untuk musim kedua penanaman padi tahun ini.

"Setakat ini, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) ada mengemukakan hasrat melaksanakan rancangan kerajaan itu dalam kawasan Muda namun masih dalam rundingan untuk mendapatkan keluasan dipersetujui pesawah dan PPK.

"Ini kerana MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) menetapkan pelaksanaan projek Smart SBB seluas 100 hektar," katanya menjawab soalan lisan Mansor Zakaria (Pas-Kuala Ketil) ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada Selasa.

Tambah beliau, penetapan had keluasan itu bertujuan mengenalpasti isu dan melakukan penambahbaikan dari masa ke masa.

Katanya, Smart SBB yang menekankan konsep pengurusan tanah secara perladangan kontrak dirangka MAFI bagi mengatasi isu seperti saiz ladang tidak ekonomik dan peladang yang berusia.

Azman memberitahu, antara pihak memainkan pelaksanaan dalam program Smart SBB ialah MAFI, agensi kerajaan, syarikat peneraju dan petani atau peserta.

"Bagi peringkat kementerian, penerangan dan perbincangan bersama agensi berkepentingan telah dilaksanakan meliputi isu dasar dan kepentingan secara makro.

"Di peringkat pelaksanaan, agensi bersama syarikat peneraju akan mengadakan sesi libat urus secara berterusan bersama pesawah dan pemain industri lain bagi membincangkan prosedur kerja, perjanjian dan pelaksanaan projek," katanya.

Jelasnya, kerajaan sedar bahawa industri tanaman padi negara berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam menjamin sekuriti makanan negara seperti saiz ladang yang tidak ekonomik, kurang penglibatan belia dan peladang berusia.

"Sehubungan itu, kaedah penanaman padi skala besar mula dilaksanakan dalam negara di bawah Projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) EPP 10/ Projek Pemacu Pertanian (bermula tahun 2011) di Kawasan Muda dan turut dilaksanakan di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) lain," katanya.

Bagaimanapun katanya, pembangunan industri berkenaan ditambah baik dengan melibatkan peranan pihak swasta dalam pengurusan tanaman padi melalui Projek SMART SBB.

Beliau menerangkan model berkenaan akan mengetengahkan konsep perladangan kontrak mengikut kesesuaian setempat bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan ladang serta penggunaan teknologi.

Katanya, model pengurusan ladang skala besar daripada negara luar dilihat adalah efektif dari segi kos dan juga aspek pengurusan berselari dengan konsep kecekapan skala ekonomi. Justeru

"Sehubungan itu, konsep SMART SBB disuai padan model pengurusan ladang skala besar dari negara luar seperti Vietnam dan Australia dengan mengambil kira keadaan sosio-ekonomi, geografi setempat, sentimen golongan sasaran dan juga penglibatan pemain industri berkaitan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	MSN.COM	ONLINE	

Projek sawah padi skala besar di Kedah



ALOR SETAR - Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi dan pendapatan pesawah dijangka dilaksanakan pada musim 2/2021.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan dan Komoditi Kedah, Azman Nasrudin berkata, projek itu dilaksanakan di Kampung Teluk Bulang melibatkan 16 peserta daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Batas Paip, Kuala Kedah membabitkan 50 hektar sawah.

Menurutnya, pelaksanaan Projek Smart SBB turut melibatkan 50 hektar sawah lagi di Kampung Selarong Panjang melibatkan 14 peserta daripada PPK Simpang Empat Kangkong untuk musim kedua penanaman padi tahun ini.

"Setakat ini, Padiberas Nasional Berhad (Bernas) ada mengemukakan hasrat melaksanakan rancangan kerajaan itu dalam kawasan Muda namun masih dalam rundingan untuk mendapatkan keluasan dipersetujui pesawah dan PPK.

"Ini kerana MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) menetapkan pelaksanaan projek Smart SBB seluas 100 hektar," katanya menjawab soalan lisan Mansor Zakaria (Pas-Kuala Ketil) ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah pada Selasa.

Tambah beliau, penetapan had keluasan itu bertujuan mengenalpasti isu dan melakukan penambahbaikan dari masa ke masa.

Katanya, Smart SBB yang menekankan konsep pengurusan tanah secara perladangan kontrak dirangka MAFI bagi mengatasi isu seperti saiz ladang tidak ekonomik dan peladang yang berusia.

Azman memberitahu, antara pihak memainkan pelaksanaan dalam program Smart SBB ialah MAFI, agensi kerajaan, syarikat peneraju dan petani atau peserta.

"Bagi peringkat kementerian, penerangan dan perbincangan bersama agensi berkepentingan telah dilaksanakan meliputi isu dasar dan kepentingan secara makro.

"Di peringkat pelaksanaan, agensi bersama syarikat peneraju akan mengadakan sesi libat urus secara berterusan bersama pesawah dan pemain industri lain bagi membincangkan prosedur kerja, perjanjian dan pelaksanaan projek," katanya.

Jelasnya, kerajaan sedar bahawa industri tanaman padi negara berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam menjamin sekuriti makanan negara seperti saiz ladang yang tidak ekonomik, kurang penglibatan belia dan peladang berusia.

"Sehubungan itu, kaedah penanaman padi skala besar mula dilaksanakan dalam negara di bawah Projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) EPP 10/ Projek Pemacu Pertanian (bermula tahun 2011) di Kawasan Muda dan turut dilaksanakan di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) lain," katanya.

Bagaimanapun katanya, pembangunan industri berkenaan ditambah baik dengan melibatkan peranan pihak swasta dalam pengurusan tanaman padi melalui Projek SMART SBB.

Beliau menerangkan model berkenaan akan mengetengahkan konsep perladangan kontrak mengikut kesesuaian setempat bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan ladang serta penggunaan teknologi.

Katanya, model pengurusan ladang skala besar daripada negara luar dilihat adalah efektif dari segi kos dan juga aspek pengurusan berselari dengan konsep kecekapan skala ekonomi. Justeru

"Sehubungan itu, konsep SMART SBB disuai padan model pengurusan ladang skala besar dari negara luar seperti Vietnam dan Australia dengan mengambil kira keadaan sosio-ekonomi, geografi setempat, sentimen golongan sasar dan juga penglibatan pemain industri berkaitan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	KOSMO	NEGARA	16



SEBAHAGIAN susu tepung dari Belanda yang dirampas Maqis di NBCT, Butterworth kelmarin.

Maqis rampas 100 tan susu tepung Belanda

SEBERANG PERAI – Sebanyak empat kontena mengandungi kira-kira 100 tan susu tepung dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang selepas melakukan pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth di sini kelmarin.

Penahanan kontena semasa pemeriksaan rutin kira-kira pukul 4.40 petang itu dibuat selepas pengisytiharan dokumennya didapati tidak tepat.

Maqis negeri dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah merampas sebanyak 4,000 bungkus susu tepung seberat 100,000 kilogram dari Belanda bagi siasatan lanjut.

“Nilai keseluruhan rampasan adalah dianggarkan bernilai RM650,902.

“Penahanan dibuat kerana didapati kosainan tersebut telah mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat pada syarat dokumen Permit Import Maqis yang sah iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan,” kata kenyataan itu di sini semalam.

Kata kenyataan itu, tujuan pengimportan susu tepung berkenaan adalah sebagai produk yang diproses untuk dijadikan makanan dan minuman manusia.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH	21

100,000kg susu tepung dari Belanda dirampas

GEORGETOWN - Empat buah kontena yang bermuatan susu tepung (sweet whey powder) dari Belanda dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang pada Isnin.

Pengarahnya, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, rampasan dibuat di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati 4,000 bungkus susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM650,902 berada dalam kontena tersebut.

“Pemeriksaan mendapati kosainan tersebut telah mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat.

“Siasatan mendapati tujuan susu tepung itu diimport adalah untuk dijadikan produk yang diproses bagi menghasilkan makanan dan minuman serta kegunaan pasaran Malaysia serta luar negara,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



Susu tepung dari Belanda yang dirampas di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	4



MAQJS Pulau Pinang merampas susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) bernilai lebih RM650,000 ketika pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT). - Gambar ihsan Maqis Pulau Pinang

Dokumen tak tepat

Maqis periksa 4 kontena Belanda bawa 100,000kg susu tepung

Oleh Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) bernilai lebih RM650,000 dalam pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, petang kelmarin.

Dalam operasi pada jam 4.40 petang itu, sepasukan penguat kuasa Maqis memeriksa empat kontena dari Belanda yang membawa masuk sejumlah susu tepung.

Maqis negeri dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan menemui 4,000 bungkus susu tepung dalam



KEMUKA maklumat berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

kontena terbabit.

“Siasatan mendapati pengimport mengisytiharkan dokumen tidak tepat seperti dinyatakan pada syarat dokumen permit import

Maqis sah iaitu mengemukakan maklumat berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

“Berikutan itu, semua susu tepung bernilai RM650,902.91 dirampas untuk tindakan

selanjutnya,” katanya.

Menurut kenyataan itu, tujuan pengimportan susu tepung itu untuk diproses bagi dijadikan kegunaan makanan dan minuman manusia serta kegunaan pasaran negara dan luar negara.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

“Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Temui 4,000
bungkus susu tepung
dalam kontena

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas 100,000 kg susu tepung dari Belanda



BUTTERWORTH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) bernilai RM650,000 dari Belanda di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, petang semalam.

MAQIS dalam satu kenyataan hari ini, berkata rampasan itu susulan pemeriksaan oleh pihaknya jam 4.40 petang ke atas empat kontena dari Belanda yang membawa masuk sejumlah susu tepung.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui 4,000 bungkus susu tepung dalam kontena berkenaan.

"Siasatan mendapati, pengimport mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat seperti mana yang dinyatakan pada syarat dokumen permit import MAQIS yang sah, iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

"Berikutan itu, semua susu tepung bernilai RM650,902.91 dirampas untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Menurut kenyataan itu, tujuan pengimportan susu tepung terbabit adalah untuk diproses bagi dijadikan kegunaan makanan dan minuman manusia serta kegunaan pasaran dalam dan juga luar negara.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)."Mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali," katanya.

MAQIS sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian diimport mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi menjamin keselamatan makanan, bebas daripada perosak dan penyakit dan halal untuk dimakan oleh rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

100 tonnes of whey powder seized at Butterworth port



*The whey powder was imported for use in the production of food and drinks for local and export markets.
(Maqis pic)*

GEORGE TOWN: Four shipping containers filled with 100 tonnes of sweet whey powder worth RM651,000 from the Netherlands were impounded by the authorities at the Butterworth port today for having inaccurate declaration papers.

The Malaysian Quarantine and Inspection Service (Maqis) said the whey powder was brought in to be used in the production of food and drinks for local and export markets.

In a statement, Penang Maqis said it found the importers to have declared different and inaccurate data on the veterinary health certificate from the country of origin.

It said the case was being investigated under Section 13 of the Maqis Act 2011 for offences related to false permit, licence, and certificate, which carries a maximum RM50,000 fine or two years jail or both upon conviction.

Maqis said it vets all agricultural products such as produce, fish, and meats that enter through the country's borders so as to ensure they are safe for consumption and free from pests and diseases, as well as to ensure they are halal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Maqis Pulau Pinang rampas 100,000kg susu tepung

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI | | 21 September 2021



Susu tepung dari Netherland yang dirampas daripada empat buah kontena di NBCT di Butterworth pada Isnin.

GEORGETOWN - Empat buah kontena yang membawa muatan susu tepung (sweet whey powder) dari Netherland dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang pada Isnin.

Pengarahnya, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, rampasan dibuat di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati 4,000 bungkus susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM650,902 berada dalam kontena tersebut.

"Pemeriksaan mendapati, kosainan tersebut telah mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat seperti yang dinyatakan dalam syarat dokumen Permit Import Maqis yang sah iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

"Siasatan mendapati, tujuan susu tepung itu diimport adalah untuk dijadikan produk yang diproses bagi menghasilkan makanan dan minuman serta kegunaan pasaran Malaysia serta luar negara," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Katanya lagi, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian (komoditi pertanian, ikan dan haiwan) yang diimport mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

"Ia bagi menjamin keselamatan makanan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan oleh rakyat.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi satu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Maqis rampas 100,000 kg susu tepung



Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas susu tepung seberat 100,000 kilogram (kg) bernilai lebih RM650,000 dalam pemeriksaan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, petang semalam.

Dalam operasi pada 4.40 petang itu, sepasukan penguat kuasa Maqis memeriksa empat kontena dari Belanda yang membawa masuk sejumlah susu tepung. Maqis negeri dalam satu kenyataan berkata, hasil pemeriksaan menemui 4,000 bungkus susu tepung dalam kontena terbabit.

"Siasatan mendapati pengimport mengisytiharkan dokumen tidak tepat seperti dinyatakan pada syarat dokumen permit import Maqis sah iaitu mengemukakan maklumat berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

"Berikutan itu, semua susu tepung bernilai RM650,902.91 dirampas untuk tindakan selanjutnya," katanya. Menurut kenyataan itu, tujuan pengimportan susu tepung itu untuk diproses bagi dijadikan kegunaan makanan dan minuman manusia serta kegunaan pasaran negara dan luar negara.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728). "Mana-mana orang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	KOSMO	ONLINE	

Maqis rampas 100 tan susu tepung

Oleh MOHD SYALMIZI HAMID



SEBERANG PERAI – Sebanyak empat kontena mengandungi kira-kira 100 tan susu tepung dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang selepas melakukan pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth di sini semalam.

Penahanan kontena semasa pemeriksaan rutin kira-kira pukul 4.40 petang itu dibuat selepas pengisytiharan dokumennya didapati tidak tepat.

Maqis negeri dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah merampas sebanyak 4,000 bungkus susu tepung seberat 100,000 kilogram dari Belanda bagi siasatan lanjut.

“Nilai keseluruhan rampasan adalah dianggarkan bernilai RM650,902.91. “Penahanan dibuat kerana didapati kosainan tersebut telah mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat sepertimana yang dinyatakan pada syarat dokumen Permit Import Maqis yang sah iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Kenyataan tersebut menambah, tujuan pengimportan susu tepung berkenaan adalah sebagai produk yang diproses untuk dijadikan makanan dan minuman manusia. Menurut kenyataan itu, hasil produk proses berkenaan dipercayai bagi kegunaan pasaran negara ini dan dipasarkan ke luar negara.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAQIS P. Pinang rampas susu tepung bernilai RM600,902



BUTTERWORTH, 21 Sept -- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas susu tepung (Sweet Whey Powder) sebanyak 100,000 kilogram (kg) bernilai RM650,902.91 dari Belanda, di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini semalam.

Pengarahnya Muhammad Ikram Abd Talib berkata hasil pemeriksaan pihaknya pada 4.40 petang itu mendapati, dokumen pada semua 4,000 bungkus susu tepung itu tidak tepat seperti yang dinyatakan pada syarat dokumen Permit Import MAQIS yang sah, iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport.

“Berikutan itu, pihak MAQIS merampas empat buah kontena yang membawa susu tepung itu dan kes disiasat menurut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya berdasarkan siasatan tujuan pengimportan susu tepung tersebut adalah untuk dijadikan sebagai produk yang diproses bagi kegunaan makanan dan minuman manusia, untuk kegunaan pasaran Malaysia dan juga luar negara.

Menurutnya pihak MAQIS sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian iaitu komoditi pertanian, ikan dan haiwan yang diimport, mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan bagi menjamin keselamatan makan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan oleh rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	WARTA RAKYAT	ONLINE	



JABATAN Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas sebanyak 100 tan susu tepung dari **Belanda** selepas mendapati pengisytiharan dokumennya tidak tepat. Jabatan itu dalam kenyataan memaklumkan, susu tepung yang dibawa menggunakan empat buah **kontena** itu dirampas ketika pemeriksaan rutin di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Pulau Pinang kira-kira pukul 4.40 petang semalam.

100 tan susu tepung dari Belanda dirampas setelah perisytiharan dokumennya didapati tidak tepat. Menurutnya, produk bernilai RM650,902.91 seberat 100,000 kilogram (kg) yang diisi di dalam 4,000 bungkusan itu disita untuk siasatan lanjut.

“Kontena yang membawa produk itu disita kerana dokumen yang diisytiharkan didapati tidak tepat seperti yang dinyatakan pada syarat dokumen Permit Import Maqis yang sah iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Susu tepung berkenaan diimport sebagai produk yang diproses untuk dijadikan makanan dan minuman manusia. Kenyataan tersebut menambah, susu tepung berkenaan diimport sebagai produk yang diproses untuk dijadikan makanan dan minuman manusia.

Katanya, hasil produk proses berkenaan dipercayai bagi kegunaan pasaran negara ini dan dipasarkan ke luar negara. “Kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarah sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali,” kata MAQIS Pulau Pinang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

100 tan susu tepung dari Belanda dirampas



SEBAHAGIAN daripada 100 tan susu tepung dari Belanda yang dirampas Maqis di NBCT, Butterworth, Pulau Pinang, semalam.

BUTTERWORTH: Sebanyak empat kontena mengandungi kira-kira 100 tan susu tepung dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri selepas pengisytiharan dokumennya didapati tidak tepat.

Rampasan itu dibuat ekoran pemeriksaan pihak berkuasa berkenaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini kira-kira pukul 4.40 petang semalam. Maqis negeri dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata, susu seberat 1 tan bernilai kira-kira RM650,902.91 yang dimuatkan di dalam 4,000 bungkusannya itu dibawa masuk dari Belanda.

“Penahanan dibuat kerana didapati kosainan tersebut telah mengisytiharkan dokumen yang tidak tepat seperti yang dinyatakan pada syarat dokumen Permit Import Maqis yang sah iaitu mengemukakan maklumat yang berbeza dan mengelirukan pada sijil kesihatan veterinar dari negara pengimport,” katanya.

Kenyataan tersebut menambah, tujuan pengimportan susu tepung berkenaan adalah sebagai produk yang diproses untuk dijadikan makanan dan minuman manusia. Katanya, hasil produk proses berkenaan dipercayai bagi kegunaan pasaran negara ini selain turut dipasarkan ke luar negara.

“Kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	JESSELTON TIMES	ONLINE	

Ronald Terima Kunjung Hormat Ahli Jemaah Pengarah NAFAS



KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah menerima kunjungan hormat YBhg. Dato' Zambri bin Yaakob, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang baharu.

Dalam sesi pertemuan tersebut, Dr. Ronald telah merakamkan ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Zambri Bin Yaakob atas pelantikan sebagai Pengerusi NAFAS berkuatkuasa pada 13 September 2021 baru-baru ini.

"Saya yakin dan percaya, berbekalkan pengalaman beliau yang amat luas khususnya dalam hal ehwal pertubuhan peladang, beliau akan dapat memberikan sumbangan yang terbaik untuk meningkatkan lagi prestasi NAFAS ke arah yang lebih cemerlang," katanya.

Turut hadir, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YBhg. Dato' Azulita binti Salim, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang dan YBrs. Tuan Haji Abu Sujak bin Sahuji, Pengurus Besar NAFAS.

YBhg. Dato' Zambri bin Yaakob telah menjadi ahli peladang yang aktif di Pertubuhan Peladang Kawasan Pulau Tawar seawal tahun 1985. Sepanjang tempoh sebagai Ahli, beliau diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Pulau Tawar sejak tahun 1996 sehingga kini. Beliau turut memegang jawatan Pengerusi AJP Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) mulai 21 Mei 2020 di mana sehingga kini PASFA telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam aktiviti ekonomi dan sosial yang memanfaatkan ahli peladang di Negeri Pahang.

Pelantikan YBhg. Dato' Zambri Bin Yaakob sebagai Pengerusi NAFAS telah dibuat selaras dengan Peraturan 35(6) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2021 yang mana beliau telah dipilih melalui undian majoriti dalam kalangan Ahli-Ahli Jemaah Pengarah. Mesyuarat secara maya yang dipengerusikan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang pada 13 September 2021, yang dihadiri oleh 11 orang Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, telah secara sebulat suara bersetuju memilih YBhg. Dato' Zambri bin Yaakob sebagai Pengerusi AJP NAFAS yang baharu melalui pengudian sulit yang dijalankan secara atas talian.

Harga ayam dijual bawah RM9.50 sekilogram

Lebih 72 peratus penjual ayam setuju jual pada harga berkenaan atau lebih rendah

Oleh ENSKU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Sebanyak 72.86 peratus daripada 339 premis yang membekal dan menjual ayam di Selangor bersetuju untuk menjual pada harga lebih rendah atau pada RM9.50 sekilogram (kg).

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, pemeriksaan harian dijalankan di seluruh negeri tersebut memfokuskan kepada peniaga ayam di pasar awam dan basah dalam tempoh tujuh hari iaitu sejak 13 hingga 19 September lalu.

Menurutnya, pemantauan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 melalui mekanisme kawalan yang dikuatkuasakan melalui perundangan anti-pencatutan.

Mohd Zawawi berkata, premis-premis yang diperiksa terdiri daripada pembekal dan peruncit diperiksa susulan situasi kenaikan harga ayam yang mendadak di pasaran baru-baru ini.

"Daripada 339 premis yang diperiksa, sebanyak 86 iaitu 25.36 peratus) premis bersetuju membuat perubahan harga jual dengan menurunkan



FOTO: FACEBOOK KPDNHEP SELANGOR

Mohd Zawawi (tiga dari kiri) memantau harga ayam di Pasar Moden Sekyen 6, Shah Alam pada Selasa.

harga secara serta-merta kepada RM9.50.

"Selebihnya, sebanyak enam premis lain mewakili 1.76 peratus bersetuju secara bersyarat untuk menurunkan harga iaitu apabila pembekal dapat menjual dengan harga borong yang lebih rendah," katanya setelah mengadakan lawatan di Pasar Moden Seksyen 6, di sini pada Selasa.

Mohd Zawawi berkata, hasil pemeriksaan harga ayam yang dijalankan menunjukkan penurunan dan kestabilan harga runcit, iaitu harga purata jualan runcit ayam mula dijual di antara RM8.50 sehingga RM9.50.

Ujarnya, penurunan harga tersebut adalah hasil semakan semula dan perubahan harga yang dibuat oleh pihak peniaga semasa pemeriksaan oleh Penguatkuasa KPDNHEP Selangor.

"Secara keseluruhannya, kedudukan harga ayam di pasar-pasar awam utama dan premis runcit di Selangor menunjukkan prestasi baik dengan kerjasama daripada peniaga yang patuh


untuk menurunkan harga jual.

"Antara pasar awam yang mula menurunkan harga jualan ayam kepada RM9.50 adalah seperti Pasar Awam Pekan Subang; Pasar Awam Kajang; Pasar Selayang Baru di Gombak; Pasar Awam Bukit Sentosa di Kuala Kubu Bharu; Pasar Awam Sungai Pelek di Sepang dan Pasar Awam Sungai Besar di Kuala Selangor," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohd Zawawi berkata, KPDNHEP Selangor mengambil pendekatan menerusi sesi libat urus bersama peniaga di setiap peringkat rantaian bekalan ayam memberikan hasil yang positif apabila peniaga bersetuju memberikan kerjasama menurunkan harga masing-masing dan mengekalkan keuntungan yang munasabah.

Katanya, tindakan pengeluaran Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPBM) di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 juga dikeluarkan sebanyak dua notis kepada peniaga untuk mendapatkan maklumat terperinci.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	KOSMO	K2	20&21



RABU 22.09.2021

K2
Menyelami
Hidup Anda

Kosmo!

Cendawan kolong rumah

BERSEKUTUAN
 PANDEMIK Covid-19 yang melanda menyebabkan manusia bergelut dengan tekanan kewangan sehingga melakukan pelbagai ikhtiar bagi meringan beban kehidupan antaranya pasangan dari Masjid Tanah, Melaka ini, Mohd. Farid Imran dan Sharina Shafiee yang memanfaatkan ruang kolong bawah rumah mereka untuk mengusahakan cendawan tiram kelabu setelah buntu kehilangan mata pencarian asal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	KOSMO	K2	20&21

Kolong rumah penyambung rezeki



Rencana Utama
Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

MUNGKIN ada antara kita yang menyimpan memori zaman kanak-kanak berlari-lari mengejar ayam di kolong rumah, melihat datuk menjahit jala, bermain sorok-sorok bahkan 'bermesyuarat' dengan sepupu-sepapat di ruang bawah rumah itu ketika semuanya puang ke kampung menyambut hari perayaan.

Pada zaman dahulu, kolong di bawah rumah bertiang lazim dijadikan ruang serba guna bagi aktiviti kenduri-kendara, stor simpanan peralalatan dan hasil penuaian, manakala di musim tengkujuh menjadi tempat mengeringkan baju dan 'bengke' nelayan membaiki jala tatkala tidak dapat turun ke laut.

Ruangan itu ternyata menjadi salah satu kelebihan susun atur ruang pembinaan rumah tradisional Melayu yang kini hanya dapat dilihat dan terpelihara di kawasan perkampungan atau di desa.

Namun, siapa sangka pada era moden dengan pelbagai teknologi canggih 'terhidang', kolong menjadi pilihan yang lebih praktikal serta efektif bagi sesetengah insan di saat dunia terpaksa 'berkurung' akibat pandemik Covid-19.

Bagi Mohd. Farid Imran, 51, dan isterinya, Sharina Shafee, 48, kolong setinggi 1.3 meter dan seluas 500 kaki persegi rumah mereka di Taman Merah Jaya, Masjid Tanah, Melaka kini menjadi pembuka pintu rezeki apabila dapat dijadikan 'kebun' cendawan tiram kelabu.

"Sejak pandemik Mac tahun lalu, saya hilang terus sumber pendapatan sebagai perancang acara (event planner) kerana semua program terpaksa dibatalkan, manakala isteri pula suri rumah."

"Saya dan keluarga bergelut

CENDAWAN tiram kelabu yang diusahakan oleh Mohd. Farid dan isterinya, Sharina berkembang subur di kolong rumah mereka.



KOLONG yang terletak di bawah rumah Mohd. Farid di Taman Merah Jaya, Masjid Tanah, Melaka kini dimanfaatkan untuk penghasilan cendawan.



CENDAWAN dihasilkan agak besar dengan saiznya menyamai tapak tangan dewasa.


untuk meneruskan kehidupan sehinggalah kami mendapat idea untuk memanfaatkan kolong rumah kami dengan mengusahakan cendawan tiram kelabu.

"Bermula dengan modal RM6,000, kami mengusahakan sebanyak 4,500 bongkah yang boleh mengeluarkan hasil untuk enam bulan pendapatan dengan jumlah bersih RM2,000 hingga RM3,000 setiap bulan," kata Mohd. Farid kepada K2.

Tambahnya, disebabkan keunikan tempat penghasilan cendawannya itu, dia turut menggelar cendawan tiram kelabu diusahakan sebagai cendawan kolong dan menjenamakan produk cendawannya dengan nama serupa, Cendawan Kolong.

INFO Kolong

- Menurut Komus Desaru, kolong ialah ruang atau bahagian bawah rumah yang bertiang
- Dalam pembinaan rumah kampung atau tradisional Melayu, kewujudan kolong menjadi satu kelebihan kerana menjadi ruang serba guna
- Kolong rumah sering dijadikan tempat untuk memasak kenduri-kendara, meremak ayam, penyimpanan dan ruang membaiki jala bagi nelayan



Mengulas lanjut, dia bagaimanapun, berkata, penjagaan cendawan di kolong berbeza berbanding cendawan ladang atau di ruang yang lebih besar.

"Kami banyak membaca kajian mengenai cendawan dan mengumpul maklumat yang sudi dikongsi oleh pengusaha lain.

"Pada awalnya, sebanyak 2,000 bongkah yang dibeli rosak disebabkan penjagaan air berlebihan.

"Kolong lal kawasannya terhad dan tertumpu, jadi sebenarnya ia tidak memerlukan air yang banyak, cukup sekadar membasahkan lantai simen dan jaring kebum untuk mengekalkan suhu dan kelembapan yang diperlukan," katanya.

Menurutnya, cendawan tiram kelabu memerlukan suhu 28 hingga 32 darjah dan 70 hingga 90 peratus kelembapan bagi penghasilannya.

Tambahnya, hasil yang dipetik juga lebih besar dan banyak disebabkan tumbuhan itu mendapat bekalan karbon dioksida yang mencukupi tanpa persaingan tinggi seperti di ladang.

Jelasnya lagi, antara cabaran lain menjaga cendawan di kolong adalah perlu meneliti bongkah-bongkah untuk memastikan tidak dijangkiti serangga pemusnah seperti bari-bari.

Menjadi rutin harian pasangan suami isteri itu akan memetik cendawan setiap pagi dengan anggaran berat antara 10 kilogram (kg) sehingga 15kg untuk dipasarkan di sekitar pantai di Pantai Puteri dan pasar tani secara pek.

"Pek kecil dijual pada harga RM3 (170 gram), manakala pek besar RM7 (500 gram). Setiap hari kami berjaya menjual sekurang-kurangnya 20 pek dan sebenarnya permintaan yang diterima sangat tinggi melebihi jumlah hasil yang dituai," katanya.

Mohd. Farid berkata, dia tidak sangka, kerja mudah menyemai cendawan hanya di kolong rumah itu mampu membantu meringankan bebannya yang perlu menanggung isteri serta lima orang anaknya berusia antara 26 hingga 44 tahun.

"Kalau yang hilang pekerjaan, baru bergraduasi dan masih belum mendapat peluang, bolehlah cuba menyemai cendawan ini. Tidak semestinya di kolong, sebaliknya di mana-mana ruang



BEGINILAH keadaan di ruang kolong berketinggian 1.3 meter di bawah binaan rumah bertiang Mohd. Farid.



CENDAWAN tiram kelabu boleh dijadikan pelbagai masakan.

yang ada, manfaatkanlah.

"Kos untuk menjaga cendawan ini hanyalah sedikit air dan masa kira-kira 45 minit pada waktu pagi untuk memuai serta memantau keadaannya daripada perosak," katanya.

Sementara itu, Sharina memberitahu, dia sedang membantu suaminya melakukan kajian untuk



MOKD. FARID sentiasa memantau suhu dan kelembapan ruang di kolongnya bagi memastikan cendawannya tumbuh subur.



MUHAMMAD ADLI SALIHIN

Memana ruang bagi bertani

MEMANFAATKAN ruang sedia ada di kediaman bagi penanaman tumbuhan boleh dimakan merupakan salah satu iktibar yang boleh dilakukan untuk mencari sumber pendapatan sokongan di saat pandemik ini.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pertanian Bandar Jabatan Pertanian, Muhammad Adli Salihin Samsudin berkata, aktiviti bercucuk tanam tumbuhan boleh dimakan terbahagi kepada dua iaitu berskala besar dan kecil.

"Ruang berskala besar, misalnya ruang lebihan di sekitar kawasan rumah sebenarnya boleh menghawa pulangan berganda apabila menjadi bekalan asas di dapur dan sumber pendapatan.

"Sebagai contoh, kolong di rumah lama memang sesuai dijadikan tapak semaian cendawan kerana kelembapannya tinggi berbanding pekarangan rumah," katanya ketika dihubungi K2.

Tambahnya, bagi mereka yang menetap di rumah pangsa pula, ruang balkoni boleh digunakan untuk menanam pokok cilik, pokok kart, daun pandan, limau purut, serai dan sebagainya menggunakan pasu.

"Bagaimanapun, aktiviti ini boleh menjadi skala besar sekiranya penghuni di rumah pangsa berkenaan mengusahakan kebun komuniti yang disediakan di setiap kawasan," katanya.

Tambah Muhammad Adli Salihin, aktiviti bercucuk tanam itu juga merupakan salah satu terapi bagi mengurangkan tekanan apatah lagi di saat pandemik ini.

"Tanaman ini bukan sahaja menjadi sistem sokongan untuk bekalan asas di dapur, malah secara tidak langsung terbukti sebagai salah satu kaedah terapi untuk mengurangkan tekanan terutama apabila tumbuhan mengeluarkan hasil.

"Sekiranya ada yang memilih untuk menanam pokok hiasan, hal itu juga membawa manfaat sama dan kebelaannya menjadi turning point untuk berjauk-jinak dalam penanaman tumbuhan boleh dimakan," katanya.

Kini, saya sedang membuat eksperimen untuk penghasilan produk cendawan jeruk pula dan sekiranya berjaya kami akan teruskan idea menjadikannya snek atau keropak."

SHARINA

menjual cendawan jeruk bagi mempelbagai produk dan meningkatkan harga jualan.

"Ramai pengusaha kecil cendawan tidak mahu meneruskan kerja ini kerana harga pasaran cendawan terlalu rendah.

"Jadi, saya dan suami cuba mempelbagai produk termasuk menyediakan pek keluarga iaitu menjual 12 bongkah cendawan tiram kelabu untuk disemai sendiri pelanggan di rumah masing-masing mengikut manual yang diberikan.

"Kini, saya sedang membuat eksperimen untuk penghasilan produk cendawan jeruk pula dan sekiranya berjaya kami akan teruskan idea menjadikannya snek atau keropak," katanya.

Menurut Sharina, setiap bongkah boleh mengeluarkan hasil seawal tujuh hari selepas penutupnya dibuka dan boleh dituai sebanyak enam kali sepanjang tiga bulan.

Dalam pada itu, salah seorang ejen Mohd. Farid, Mohd. Saferi Mahat, 38, berkata, dia mula mengambil stok Cendawan Kolong sejak awal bulan ini dengan jumlah pesanan pelanggan mencecah 130 pek setiap minggu.

"Kebelaannya saya akan mengumpul pesanan terlebih dahulu sebelum mengambil bekalan dan permintaan melibatkan rakan-rakan sekreta serta di kenalan Facebook sahaja mencecah 130 pek.

"Bekalan akan diambil pada setiap hari Jumat selepas kesemua cendawan dipetik segar dan siap dipek oleh Mohd. Farid sebelum diedarkan kepada pelanggan," katanya.

Oleh Ruwaida Md Zain
am@metro.com.my

Shah Alam

Kemelut harga ayam yang berlarutan sejak dua minggu lalu dijangka berakhir apabila 333 peruncit dan pembekal ayam di negeri ini bersedia menurunkan harga ayam sebagaimana disarankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, maklum balas itu diterima susulan pemeriksaan ke atas 339 premis berkenaan antara 13 hingga 19 September lalu berikutan kenaikan mendadak harga ayam di pasaran.

"Hasil pemeriksaan mendapati peniaga ayam di sekitar Selangor memberi kerjasama baik untuk membuat semakan semula dan menurunkan harga jualan.

"Sejumlah 247 premis (72.86 peratus) premis sedia menjual pada harga lebih rendah disarankan iaitu RM9.50 sekilogram, manakala 85 (25.36 peratus) premis bersetuju membuat perubahan harga jualan dengan menurunkan harga secara serta-merta kepada RM9.50 sekilogram.

"Bagaimanapun, enam (1.76 peratus) premis setuju secara bersetuju menurunkan harga iaitu apabila pembekal dapat menjual dengan harga borong lebih rendah," katanya dalam sidang media selepas Walkabout Pemantauan Harga Ayam di Pasar



PENIAGA di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam bersetuju jualan runcit ayam dijual RM8.50 sehingga RM9.50 sekilogram bagi membantu pengguna mendapatkan harga ayam lebih berpatutan.



MOHD Zawawi (kanan) memantau harga ayam di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam susulan berlaku kenaikan harga di beberapa tempat di Selangor.

KEMELUT AYAM MAHAL

333 pembekal setuju turun **RM9.50** sekilo

KPDNHEP Pulau Pinang keluar 49 notis

Georgetown: Sebanyak 49 notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang kepada penternak, pemborong dan peniaga di negeri ini, susulan kenaikan harga ayam. Notis itu dikeluarkan ketika pemantauan dan pemeriksaan di pasar awam sekitar negeri ini sejak 10 September lalu.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridwan Ab Ghapar berkata, pemantauan dan pemeriksaan itu

dijalankan ke atas rantaian pembekalan ayam dan pasar awam bagi mengenal pasti punca kenaikan harga ayam. Beliau berkata, 37 Notis Pengesahan Maklumat Barangan/Perkhidmatan (NPMB) dan 12 Notis Bertulis (NB) dikeluarkan kepada penternak, pemborong dan peniaga. "Peniaga diberi tempoh dua hari bagi NPMB dan lima hari bagi NB bagi memberi maklumat berhubung kenaikan harga ayam untuk di analisis. "Seterusnya kami kemul pasti

kenaikan harga yang berlaku bagi memastikan tiada individu mendapatkan keuntungan tidak munasabah," katanya menerusi kenyataan, semalam. Mohd Ridwan berkata, KPDNHEP Pulau Pinang mengadakan sesi libat urus bersama-penternak, pemborong dan peniaga di negeri ini bagi membantu menstabilkan harga ayam di peringkat rantaian pembekalan serta di pasar awam. Beliau berkata, hasil perbincangan itu, harga ayam di negeri ini menunjukkan penurunan

Moden Seksyen 6, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikri Azan Abdullah.

Mohd Zawawi berkata, terkini harga purata jualan runcit ayam dijual antara RM8.50 sehingga RM9.50 sekilogram.

"Ini bermakna majoriti peniaga dan pemborong sedia mengurangkan harga bagi membantu pengguna mendapatkan ayam pada harga lebih berpatutan.

"Harga ini hasil semakan semula dan perubahan harga dibuat peniaga ketika pemeriksaan penguatkuasaan dijalankan penguat kuasa KPDNHEP Selangor," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, kedudukan harga ayam di pasar awam utama dan premis runcit di seluruh Selangor menunjukkan prestasi baik dengan kerjasama daripada peniaga yang patuh untuk menurunkan harga jualan.

"Contohnya Pasar Awam Pekan Subang, Pasar Selangor Baru, Gombak dan Pasar Awam Sungai Pelek. Sepang sebelum ini menjual ayam pada harga RM10 sekilogram dan menurunkan harga kepada RM9.50.

"Pasar Awam Kajang yang menjual ayam pada harga RM9.50 sekilogram menjadi RM9.50 sekilogram. Begitu juga peniaga di Pasar Awam Bukit Sentosa, Kuala Kubu Bharu dan Pasar Awam Sungai Besar, Kuala Selangor," katanya.

Justeru itu katanya, perkembangan itu menunjukkan kedudukan harga ayam di pasaran Selangor kini, dalam situasi terkawal dan stabil.

Peniaga serba salah bunga kubis melambung RM12 sekilogram



"Kenaikan harga sayur memang serius sejak akhir-akhir ini"
Nur Aisyah

Kuala Terengganu: Trend kenaikan harga sayur secara berterusan sejak minggu lalu memberi tekanan kepada peniaga di Pasar Kedai Payang 2, di sini.

Ini kerana harga bunga kubis didakwa melambung kepada RM12 sekilogram berbanding harga sebelum ini iaitu RM6 sekilogram.

Manakala, harga sayur lain seperti timun, tomato dan lada besar turut naik mendadak, sekali gus mampu memberi kesan sama kepada pelanggan.

Peniaga, Mohd Asri Said, 31, berkata, harga sayur yang naik secara mengejut membuatkan jualan menurun setiap hari.

"Jualan sayur kini dalam kuantiti sedikit, nak ambil sayur daripada pemborong dalam kuantiti besar pun binbang tidak terjual.

"Trend kenaikan harga dijangka berterusan dan ia memberi cabaran kepada untuk meneruskan perniagaan," katanya.


Katanya, pihak berkaitan perlu bertanggungjawab menangani isu kenaikan harga sayur.

"Sebagai peniaga kami serba salah apabila menjual harga sayur terlalu mahal.

"Bayangkan harga tomato daripada RM3 sekilogram naik kepada RM7 sekilogram," katanya.

Peniaga lain Nur Aisyah Musa, 19, berkata, harga kacang panjang naik daripada RM4 kepada RM7 sekilogram membuatkan pelanggan merungut.

"Kami tidak mampu berbuat apa-apa dan kenaikan harga sayur memang serius sejak akhir-akhir ini," katanya.



MOHD Asri resah apabila jualan sayur di geraiinya di Pasar Kedai Payang menurun susulan kenaikan harga mendadak sejak minggu lalu.



SAMSUDDIN menjadikan hasil tangkapan sungai sebagai ikan masin dan menjana pendapatan. - Gambar NSTP/SAMADI AHMAD

Cipta kelainan ikan patin masin

Sepang: Kebiasaannya produk ikan masin sinonim dengan spesies ikan laut, namun seorang peniaga gerai mencipta kelainan apabila mengusahakan produk ikan masin menggunakan ikan patin sungai.

Usaha Samsuddin Wagiman, 58, mulanya dianggap pelik berikutan ikan patin kebiasaannya disajikan sebagai hidangan masakan gulai tempoyak.

Dia yang menetap di Kampung Olak Lempit di sini, mendakwa idea itu tercetus selepas perniagaannya terkesan teruk susulan Pe-

rintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak Jun lalu.

Menurutnya, dia banyak menghabiskan masa memancing patin di Sungai Langat berhampiran rumah sepanjang tempoh PKP berikutan gerai makanannya tidak dapat beroperasi.

"Saya tidak menyangka hobi memancing itu bolehkan saya memperoleh puluhan ikan patin setiap hari.

"Dari situ muncul idea untuk memproses ikan patin itu menjadi ikan masin yang boleh disimpan untuk jangka lama," katanya.

Menurutnya, ikan patin itu dicuci bersih sebelum direndam dalam garam dan dijemur sehingga menjadi ikan masin.

"Alhamdulillah, sambutan amat menggalakan walaupun baru beberapa bulan saya memperkenalkan produk ini kepada orang kampung. Malah, kualitasnya setanding ikan masin talang atau ikan kurau," katanya.

Samsuddin berkata, dia amat menitikberatkan kebersihan dalam penghasilan ikan masin bermula proses menyang, membuang perut dan melururkan garam

pada setiap ikan.

"Bagi menjadikan ikan ini lembut, ia perlu disiram dengan cuka dan disimpan semalaman supaya garam dapat meresap ke semua bahagian ikan itu sebelum dijemur.

Katanya, ikan patin perlu dijemur antara lima ke enam hari bagi membuang lemak sebelum dipek untuk dipasarkan.

"Selain memasarkan ikan masin patin ini di gerai saya, ia turut mendapat pesanan pembeli dari kawasan sekitar Dengkil, Banting dan Putra Perdana," katanya.

Guna dron tingkatkan hasil padi

Kerajaan negeri peruntuk RM200,000 beli dron, latih pengendali alatan

Oleh HAZEL EN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kerajaan Kelantan memperuntukkan RM200,000 untuk membeli dron dan melatih pengendali alatan itu dalam usaha meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, penggunaan dron yang betul terbukti berkesan dalam membantu meningkatkan pengeluaran hasil padi.

“Teknik yang betul dalam penggunaan dron ini amat penting, sebab itulah kita membentangkan fokus utama kepada aspek tersebut,” katanya kepada pemberita semasa merasmikan demonstrasi pengendalian dron di Kampung Jelor, Selinging di sini pada Selasa.

Seramai 30 peserta mengikuti sesi latihan itu dalam usaha kerajaan negeri melahirkan tenaga pakar dalam mengendalikan alatan tersebut.

Menurutnya, sebagai permulaan kerajaan negeri telah membeli tiga unit dron dan akan menambah bilangannya dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, penggunaan dron kini dilihat sebagai satu keperluan kerana terdapat lebih 30,000 hektar tanah yang diusahakan dengan tanaman padi di negeri ini.

Tuan Mohd Saripudin berkata, kerajaan negeri berharap para pelatih dapat mengambil beberapa banyak ilmu pe-



Tuan Mohd Saripudin (dua dari kiri) merasmikan demonstrasi pengendalian dron di Kampung Jelor, Selinging, Pasir Puteh pada Selasa.

ngurangkan penggunaan tenaga kerja.

“Penggunaan dron mula aktif di negara ini pada tahun 2017 lalu bermula di tengah, utara se-menanjung dan seterusnya ke pantai timur,” katanya.

Rizal Tayab berkata, penggunaan dron terbukti berjaya mengurangkan 50 peratus kos perbelanjaan terutama dalam kerja-kerja meracun.

“Selain itu, teknik ini turut menjimatkan masa dan me-

ngendalian dron. Katanya, ia amat penting supaya hasil pertanian akan terus dipertingkatkan.

Sementara itu, Pegawai Pertubuhan Awam Kolej Komuniti Sabak Bernam, Mohd

Harga ayam turun RM8.50 sekilogram

Oleh MOHD. AZLI ADLAN dan SYAL MIZI HAMID

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu dan Pulau Pinang mahu harga jualan ayam segar di negeri itu turun sehingga RM8.50 sekilogram (kg).

Usaha menurunkan harga itu hasil libat unus di peringkat rantauan pembekalan ayam hingga ke pasar basah.

Sebelum ini harga ayam standard di beberapa negeri telah mencecah RM10 kg sehingga menggusarkan pengguna terutama yang membeli di pasar basah.

Di Terengganu, Pengarahnya, Saharuddin Mohd. Kia berkata, pihaknya telah memberi notis arahan kepada 33 pemborong dan peniaga ayam segar agar menurunkan harga antara RM8.50 hingga RM9.50.

"Pemborong dan peruncit yang menerima notis terbabit akur untuk menurunkan harga jualan masing-masing," jelasnya



KERAYAN Kosmo 17 September 2021.

semalam.

Ujarnya, arahan menurunkan harga itu diberikan terhadap dua pemborong dan 31 peniaga ayam segar di seluruh Terengganu.

Dalam perkembangan sama, Sabaruddin berkata, sebelum ini, KPDNHEP negeri telah mengeluarkan 47 notis pengesahan pemborong dan peruncit teribat berkaitan kenaikan mendadak harga ayam segar sejak awal bulan ini.

Sementara itu di Pulau Pinang, Pengarah KPDNHEP negeri, Mohd. Ridzuan Ab.

Chapar berkata, harga ayam segar di negeri itu turun kepada RM9.50 sekilogram selepas dijual mencecah RM10.30 sekilogram baru-baru ini.

"Hasil perbincangan di semua peringkat, harga ayam di seluruh negeri ini telah menunjukkan penurunan.

"Ia selaras dengan komitmen Kementerian dan penternak serta pemborong supaya peruncit boleh menjual ayam pada harga RM9.50 kg di pasar awam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Ridzuan berkata, pihaknya telah menghuarkan 49 notis kepada penternak, pemborong dan peniaga berhubung isu sama-memabatkan 37 keping Notis Pengesahan Maklumat Barangan/Perkhidmatan dan 12 lagi Notis Bertulis.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan ayam segar yang dijual di pasar basah dijual dengan harga lebih RM10 kg disebabkan alasan beberapa faktor termasuk harga dedak yang mahal.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Terengganu sedang memeriksa harga ayam di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu semalam.

Menurut Dr. Ronald, pelantikan ini turut membuktikan kuasa memilih Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah telah dikembalikan semula kepada kepimpinan peladang sendiri dan pemilihan telah dibuat secara demokrasi. Ini adalah berikutan pindaan peraturan yang dilaksanakan Kerajaan bagi memastikan hak memilih dikembalikan kepada ahli peladang sendiri sepertimana Peraturan yang terdahulu sebelum dipinda pada tahun 2019.

Melalui pindaan ini juga, semua Ahli Jemaah Pengarah di semua peringkat hanya layak memegang jawatan untuk 3 penggal sahaja dan kemudian perlu rehat selama 1 penggal sebelum layak dipilih semula. Ini adalah antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi memastikan tadbir urus baik di semua peringkat.

Pemilihan Ahli Jemaah Pengarah di semua peringkat Pertubuhan Peladang yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat akan menggunakan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2020 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2021. Pemilihan kepimpinan di semua peringkat pergerakan peladang melalui Mesyuarat Agung kini sedang berjalan dengan baik berasaskan pindaan baru ini.

Dalam kesempatan yang sama, Dr. Ronald turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengerusi NAFAS, YBrs. Dr. Anis bin Mahmud di atas sumbangan dan komitmen sepanjang tempoh beliau berkhidmat di NAFAS.

Dalam pada itu, Dr. Ronald juga berkata Peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai Pendaftar amatlah penting bagi memastikan pergerakan Pertubuhan Peladang (PP) di semua peringkat berjalan baik dan diperkasa agar telus, berintegriti dan profesional.

“Penyemakan semula keseluruhan perundangan LPP dan PP juga perlu disegerakan bagi membolehkan pindaan-pindaan sesuai mengikut kehendak semasa dapat dilaksanakan. Tadbir urus baik akan dijadikan asas dan panduan utama agar kepentingan peladang dan pesawah sentiasa dijaga,” katanya.

Dalam kunjung hormat ini, beberapa perkara lain turut dibincang antaranya peranan NAFAS yang perlu terus diperkasakan menjadi sebuah institusi yang menerajui pergerakan PP sebagai badan perniagaan yang berdaya maju sekaligus membina pergerakan PP yang kompeten dan berdaya saing di setiap peringkat. Dalam hal ini, tranformasi struktur perniagaan yang efektif, teratur dan terancang dengan mempelbagaikan perniagaan NAFAS adalah penting bagi mewujudkan model perniagaan yang lebih lestari bagi memberi pulangan lebih baik kepada golongan sasaran. Ini juga selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membangunkan PP yang ‘self-reliant’ atau mampu berdiri sendiri.

“Saya sememangnya sentiasa mengikut prestasi PP dari semasa ke semasa dan berharap, model perniagaan projek-projek berjaya di PP mestilah diteruskan malah perlu direplikasikan di lain-lain PP yang berpotensi,” kata Dr. Ronald.

Dr. Ronald juga menyeru semua pihak berkepentingan termasuk pengurusan tertinggi LPP mahupun NAFAS untuk terus berganding bahu bersama-sama dengan keluarga peladang untuk membangunkan semua PP supaya terus berjaya dan maju agar peladang akan terus mendapat manfaat.

LPP dan PP akan terus memainkan peranan masing-masing dengan cemerlang ke arah memberdayakan dan memperkasakan warga tani seterusnya merencanakan usaha untuk memajukan sektor agromakanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21



SHAHORIZAN (kanan) melihat bubu naga yang dirampas APMM, semalam.

APMM mohon kuasa rampas bubu naga di jeti nelayan

Parit Buntar: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) memohon diberi kuasa merampas bubu naga dan peralatannya di jeti nelayan bagi membanteras penggunaan bubu itu yang semakin berleluasa.

Pengarah APMM Zon Maritim Perak Shahrizan Rahman berkata, ketika ini, APMM diberi kuasa merampas bubu naga di lautan sahaja.

Namun, katanya, APMM juga memberi kerjasama kepada agensi berkaitan yang boleh berbuat demi-

kian dengan menyediakan kemudahan diperlukan.

“APMM pernah memberi cadangan membuat operasi di jeti nelayan. Kami boleh bekerjasama dan menyediakan kemudahan seperti lori dan sebagainya.

“Pada masa depan, jika APMM ada kuasa berbuat demikian, Insya-Allah kita laksanakan,” katanya pada sidang media rampasan bubu naga di Jeti APMM Zon Kuala Kurau di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan

Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Abdul Yunus Jamhari dan Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Kurau Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali.

Kata Shahrizan, APMM juga berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengharamkan penjualan bubu naga di premis.

“Ia sebagai kaedah membanteras penggunaannya daripada terus berleluasa,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Pangkalan Nelayan Sungai Timun meriah

REMBAU: Pangkalan Nelayan Sungai Timun di sini yang berbulan-bulan suram tanpa kunjungan ramai, kini, kembali meriah dengan kehadiran kaki pancing.

Tinjauan *Utusan Malaysia* baru-baru ini mendapati lokasi tersebut menjadi pilihan buat kaki pancing melepaskan 'gian' sambil membawa ahli keluarga untuk menjalankan aktiviti rekreasi bersama.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Timun, Aidil Nizam Ab Rahman berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta larangan aktiviti memancing rekreasi memang menyebabkan jeti tersebut sunyi.

"Sebelum pandemik Covid-19,

lebih 10 buah kumpulan terdiri daripada ahli keluarga bersantai di tepi tebing berhampiran jeti ini untuk memancing. Ia pemandangan biasa kerana sungai ini memang banyak ikan serta udang galah.

"Semasa PKP memang tidak boleh, tiada siapa yang datang, namun, sejak aktiviti memancing dibenarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) menerusi Pelan Pemulihan Negara (PPN), jeti ini seolah 'hidup' semula dan kembali menjadi tumpuan pemancing," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini. Sejak pandemik, hanya tiga kali sahaja bot di jeti berkenaan membawa pelancong melihat kelip-kelip.



PANGKALAN Nelayan Sungai Timun di Rembau kembali meriah dengan kehadiran kaki pancing selepas kebenaran aktiviti memancing diberikan oleh MKN pada bulan lalu. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Penggunaan bubu naga masih berleluasa

PARIT BUNTAR - Penggunaan bubu naga di kawasan utara Pantai Remis, Bagan Panchor dan Kuala Kurau yang masih berleluasa dibimbangi akan menjejaskan tangkapan nelayan dan merosakkan kelestarian persekitaran hidupan termasuk anak-anak ikan dalam tempoh jangka masa panjang.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Perak), Kepten Maritim Shahrizan Raman berkata, sebanyak 241 bubu naga bernilai RM21,600 telah dirampas dalam operasi di sekitar perairan Kuala Kurau kira-kira jam 2 petang Isnin.

Katanya, setiap bubu naga berharga RM90 di pasaran yang dirampas itu di-

bawa ke Jeti Maritim Zon Kuala Kurau untuk tindakan lanjut.

"Mereka yang menggunakan bubu naga mengaut keuntungan dengan meletakkan sahaja bubu di laut dan datang semula pada keesokannya untuk mengangkat bubu.

"Apabila mendapat keuntungan, mereka akan memasang bubu naga hingga lima batu nautika yang jelas melanggar zon nelayan lain," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Maritim Zon Kuala Kurau di sini pada Selasa.

Menurutnya, 500 bubu naga bernilai RM45,000 telah dirampas oleh Maritim Malaysia Perak sejak Januari lepas hingga bulan ini. -Bernama



Shahrizan (kanan) memberi penerangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Integrasi Nasional dan Masyarakat Sivil Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahl (dua dari kanan) di Pejabat Maritim Zon Kuala Kurau pada Selasa.



21 SEP, 2021

MoF to study best method to stabilise chicken prices

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

கோழி விலையின் உயர்வை நிலைப்படுத்தும் முறை விரைவில் ஆராயப்படும்

கூலாய், செப். 21-

நாடு முழுவதிலும் உள்ள கோழி பண்ணை உரிமையாளர்கள் மற்றும் பயனீட்டாளர்களுக்கு சிறந்த தீர்வைக் காணும் பொருட்டு, கோழி விலையின் உயர்வை நிலைப்படுத்தும் முறையை நிதி அமைச்சு துல்லியமாக ஆராயும்.

விவசாயம் மற்றும் உணவுத்

துறை அமைச்சு மற்றும் உள்நாட்டு வாணிப மற்றும் பயனீட்டாளர் விவகாரத் துறை அமைச்சுடன் இணைந்து இம் முயற்சி மேற்கொள்ளப்படும் என்று நிதி அமைச்சர் தெங்கு டத்தோ ஸ்ரீ சஃப்ருல் தெங்கு அப்துல் அசிஸ் தெரிவித்திருக்கிறார்.

ஜெகூர், குலாயிலுள்ள அசுகோ ஜீனியஸ் நிறுவனத்தின்

கால்நடைப் பண்ணையைப் பார்வையிட்டப் பின்னர் செய்தியாளர்களிடம் தெங்கு டத்தோ ஸ்ரீ சஃப்ருல் இதனைத் தெரிவித்தார்.

சில துறைமீண்டும் செயல்படத் தொடங்கியதுடன் சந்தை கோரிக்கைக் காரணமாக கோழி விலையில், தற்காலிக உயர்வு ஏற்பட்டிருப்பதாக, விவசாயம் மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சு கணித்திருக்கிறது.



21 SEP, 2021

MoF to study best method to stabilise chicken prices

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

மாநில விலையின் உயர்வை நிறைப்படுத்தும் முனை விரைவில் ஆராயப்படும் கலியாணசெல்வம். 21- நாடாளுமன்றத்திலும் உள்ள கோழி பண்ணை உரிமையாளர்கள் மற்றும் பயனீட்டாளர்களுக்கு சிறந்த தீர்வைக் காணும் பொருட்டும், கோழி விலையின் உயர்வை நிலைப்படுத்தும் முறையை நிதி அமைச்சு துல்லியமாக ஆராயும். விவசாயம் மற்றும் உணவுத் துறை அமைச்சு மற்றும் உள்நாட்டு வாணிப மற்றும் பயனீட்டாளர் விவகாரத் துறை அமைச்சுடன் இணைந்து இம்முயற்சி மேற்கொள்ளப்படும் என்று நிதி அமைச்சர் தங்குமட்டை ஸ்ரீ சசிப்ரால் தங்குமட்டை அப்துல் அகிஸ் தெரிவித்திருக்கிறார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	NEW STRAITS TIMES	ONLINE	

Youth should be job creators



The younger generation should venture into agriculture, a sector that can solve their employment needs. -BERNAMA PIC

LETTERS: The success of young agropreneurs acts like a magnet, pulling more young people into the world of agriculture which can bail them out of poverty.

Thus, it can also help the country address dire problems, such as unemployment and food insecurity.

Young agropreneurs who have successfully applied modern, innovative and technological methods can serve as role models and motivations for other young people in the country to embark on the same path.

The emergence of new technologies in the agricultural sector can drive innovation in improving product quality and increase production volume to meet the needs of customers and market demand, as well as generate maximum profits for young agropreneurs.

Therefore, the agricultural landscape needs to be transformed from being dominated by elderly farmers with low technology skills to being dominated by young farmers with high technology skills.

Success in the agricultural sector needs to come to the fore to boost young people's interest in exploring the world of agriculture, such as livestock, fisheries, forestry, logging and agro-based industries.

This is not only to inculcate their interest but also to spur them to venture and succeed when taking further steps to break into international markets.

They have to come to terms with the fact that they should become job creators rather than job seekers in order to bear more fruit to society.

Unfortunately, to date, the agricultural sector still lags far behind other sectors, such as services and manufacturing. The majority of players in the agricultural sector are the older generation with low-technology skills.

Despite the favourable impacts of agriculture on the economy and society, the success rate of small and medium enterprises in the sector is still unsatisfactory.

According to the Department of Statistics, the agriculture sector experienced modest growth of only 3.7 per cent in the third quarter of 2019.

Last year, employment in the sector accounted for 10.09 per cent of total employment.

This figure shows that more attention needs to be given to the sector to increase that percentage. In addition, the Global Entrepreneurship Monitor reported a decline in the number of new enterprises or businesses in the sector.

What is more alarming is that many young agropreneurs fail to survive the first three to five years after their inception.

The main challenge that needs to be addressed in order to achieve a higher number of successful young agropreneurs is their misperceptions.

They describe jobs in the agricultural sector as dirty, difficult, dangerous, unglamorous and low-paid, and they believe that these jobs do not promise any bright future for them.

Therefore, these misperceptions need to be debunked. Agriculture is actually a lucrative source of livelihood for young people, especially unemployed graduates.

Nowadays, more fresh graduates have proven that they can fly high and rake in enormous profits working in the agricultural sector.

Therefore, success in the agricultural sector, especially among young agropreneurs, needs to be enhanced to achieve the optimum contribution to the country's economic and social development.

To date, Malaysia is still too reliant on imported agro-based products.

Therefore, it is time for young people, especially fresh graduates, to get involved in the agricultural sector and become young agropreneurs who are innovative and keeping pace with changing technologies.

Failure in this sector will have repercussions on the food security of the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2021	THE STAR	ONLINE	

We Need More Young ‘Agropreneurs’

THE success of young “agropreneurs” acts like a magnet, enticing more of Malaysia’s youth to explore the world of agriculture that could bail them out of poverty.

The sector could help the country address the dire problems of youth unemployment and food security. Young agropreneurs who have successfully applied modern, innovative and technological methods in the sector can serve as role models and motivate their peers to embark on the same path.

Emerging new technologies can drive innovation in improving product quality and increasing production volume to meet the needs of customers and market demand as well as generate maximum profit for young agropreneurs.

The sector needs to be transformed from being dominated by older, less technologically skilled farmers to having more modern young farmers. Unfortunately, to date, the agricultural sector still lags behind other sectors, such as services and manufacturing.

According to the Statistics Department, the agriculture sector recorded only a modest growth rate of 3.7% in the third quarter of 2019. In 2020, employment in the sector accounted for only 10.09% of total employment. In addition, the Global Entrepreneurship Monitor reported a decline in the number of new enterprises or businesses in the sector.

The main challenge that needs to be addressed to achieve a higher number of successful young agropreneurs is to change young people’s mindsets. They think working in the sector is difficult, dangerous, not glamorous and low-paying, and that it does not promise a bright future. These misconceptions need to be debunked.

Malaysia is currently far too reliant on imported agro-based products. It is time that the country’s youth, especially tech-savvy graduates, get involved in the agricultural sector to increase the country’s food security. They must be innovative and keep up with changing technology that will help them to break into international markets.